

NUR ALLYA JOHAN PERTANDINGAN “U GOT TALENT” KARNIVAL JOM MASUK U ZON SABAH



Murid Tingkatan 5 SMK Pantai, WP Labuan Nur Allya Mardiana binti Jairin telah dinobatkan sebagai johan Pertandingan U Got Talent Karnival Jom masuk U Zon Sabah yang diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kota Kinabalu pada 28 Mei 2023 yang lalu.

Nur Allya bersaing di peringkat akhir bersama 14 penyertaan yang lain, terdiri daripada peserta solo dan berkumpulan yang menunjukkan bakat masing-masing dalam nyanyian lagu dan tarian.

Nur Allya yang mempersembahkan nyanyian solo lagu “Semalam” yang dipopularkan oleh Aina Abdul telah berjaya menewaskan 14 penyertaan lain dari seluruh Sabah iaitu

SMK Narinang Kota Belud, SMK Entabuan Tenom, SMK Tandek 2 Kota Marudu, SMK Lohan Ranau, SMK Bahang Penampang, SMK Mat Salleh Ranau, SMK St Joseph Papar, SMK Bandaraya, SMK Inanam, SMK Kolombong, SMK Kota Marudu II, SMK Pekan Kota Belud dan SMJK Chung Hwa Tenom.

Nur Allya memenangi wang tunai RM1,000 dan sijil penyertaan. Sebelum ini Nur Allya telah terpilih sebagai penyanyi utama dalam Konsert DiRaja Kementerian Pendidikan Malaysia dan telah membuat persembahan di hadapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong pada 24 Februari 2023 di Istana Budaya.

Kejayaan Nur Allya dalam bidang nyanyian ini telah mengharumkan nama WP Labuan dan nama SMK Pantai di peringkat kebangsaan. Pihak sekolah sangat menggalakkan dan memberi sokongan kepada penglibatan Nur Allya sehingga peringkat tertinggi.

Berita Oleh : SMK Pantai





